

Enam ciri lahirkan graduan cemerlang

Universiti sumber modal insan kelas pertama

Oleh Rosniza Mohd Taha
dan Amin Ridzuan Ishak

SERDANG: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menggariskan enam ciri graduan yang perlu dihasilkan universiti untuk melahirkan rakyat berminda kelas pertama.

Baginda yang juga Tuanku Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), bertitah enam ciri itu ialah bijak meneroka peluang dalam pelbagai bidang, melahirkan idea berkesan, aktif dalam kegiatan sukarelawan, mempunyai jati diri, membudayakan ilmu berfikir serta memiliki perwatakan unggul.

“Graduan universiti seharusnya menjadi sumber manusia yang memberi manfaat kepada masyarakat, industri dan pembangunan negara.

“Graduan harus berupaya mengenal pasti peluang dan menjadikannya

“*Universiti menjadi harapan untuk menghasilkan sumber manusia yang berkualiti tinggi, seterusnya, mengharumkan nama universiti dalam setiap bidang diceburi*”

**Sultan Sharafuddin
Idris Shah**
Sultan Selangor

kerjaya baru, selain meneroka peluang kerjaya baru di luar negara.

“Justeru, universiti menjadi harapan untuk menghasilkan sumber manusia yang berkualiti tinggi, seterusnya, mengharumkan nama universiti dalam setiap bidang diceburi,” titahnya.

Baginda bertitah pada sidang pertama Majlis Konvokesyen UPM ke-31 di sini, semalam. Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dr Zainul Ariff Hussain dan Naib Canselor UPM, Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah.

Terdahulu, baginda menyampaikan watakah pelantikan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Puncak Niaga, Tan Sri Rozali Ismail sebagai Pro-Canselor baru UPM, tambahan kepada dua Pro-Canselor sedia ada, iaitu Tan Sri Dr Nayan Ariffin dan Tan Sri Lim Ah Lek. Pelantikan bagi tempoh tiga tahun itu berkuat kuasa 1



AHMAD IRHAM MOHD NOOR | BERITA MINGGU

RASA BANGGA: Dari kanan, Choong Kah Lai, Yosheena Miskam, Alias Ismail, Fadila Aida Muhibah dan Nor Azrinah Ahmad gembira bersama hadiah universiti pada Majlis Konvokesyen ke-31 UPM, Sedang, semalam.

Julai 2007 hingga 3 Jun 2010.

Pada majlis sama, TuanKu Canselor berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang anugerah peringkat universiti iaitu Alias Ismail yang meraih Pingat Emas Canselor, Nor Azrinah Ahmad dan Dr Choong Kah Lai (Anugerah Pelajaran Diraja), Yosheena Miskam (Pingat Emas

Alumni) dan Fadila Aida Muhibah (Pingat Emas Yayasan Pak Rashid).

Majlis konvokesyen UPM ke-31 bermula semalam hingga 29 Ogos ini menyaksikan penganugerahan ijazah doktor falsafah (PhD), sarjana, ijazah sarjana muda dan diploma kepada 7,949 graduan.

Daripada jumlah itu, 136 bakal me-

nerima PhD, sarjana (996), ijazah sarjana muda (6,117) dan diploma (700). Turut menerima ijazah ialah kumpulan sulung 22 graduan Bachelor Sains (Pembangunan Manusia dan Pengurusan), Bachelor Sains (Pembangunan Manusia dan Teknologi Maklumat) (12) dan graduan Diploma Opsyen Industri Perladangan UPM-Golden Hope (20).